

Syor tubuh Universiti Korea di Malaysia



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalaman dengan para hadirin ketika menghadiri majlis makan malam penghargaan Bapa Dasar Pandang Ke Timur anjuran Persatuan Alumni Graduan Institusi Korea Malaysia (AGIKO) di Cyberview Lodge di Kuala Lumpur, malam tadi.

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

CYBERJAYA 18 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan pengasas Dasar Pandang Ke Timur malam ini mencadangkan penubuhan universiti Korea di Malaysia.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, penubuhan Universiti berkenaan akan menjimatkan kos penghantaran pelajar tempatan yang begitu tinggi di negara itu malahan membolehkan pelajar dari negara lain di rantau ini untuk melanjutkan pelajaran di situ.

Beliau menarik perhatian cadangan yang serupa yang dikemukakan kepada kerajaan

Jepun telah pun mendapat persetujuan daripada negara itu.

"Saya berharap graduan-graduan dari Korea juga dapat membantu mendesak kerajaan republik itu menubuhkan Universiti miliknya di Malaysia supaya lebih ramai penuntut tempatan dapat melanjutkan Pengajian di Universiti itu.

"Mereka bukan sahaja akan mendapat ilmu daripada pelbagai bidang yang ditawarkan malah lebih penting ialah dapat mempelajari etika dan budaya kerja masyarakat Korea yang baik yang meletakkan mereka setanding dengan negara maju di dunia," katanya.

Dr. Mahathir berkata demi-

kian ketika berucap pada malam penghargaan kepada beliau sebagai Bapa Dasar Pandang Ke Timur anjuran Persatuan Alumni Graduan Institusi Korea Malaysia (AGIKO) di Cyberview Lodge di sini malam ini.

Hadir sama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Duta Korea Selatan, Lee Young June dan Presiden AGIKO, Zamri Abbas.

Cadangan penubuhan Universiti Korea ini sejajar dengan rancangan AGIKO untuk menubuhkan Institut Teknikal Malaysia-Korea bagi membantu membawa teknologi tinggi dari negara itu ke Malaysia.

Lokasi institut tersebut di-

cadangkan sama ada di Labu, Nilai atau Pemas di Negeri Sembilan berdasarkan syarikat-syarikat Korea kebanyakannya tertumpu di kawasan tersebut dengan nilai pelaburan tahun lalu sahaja mencecah RM3.3 bilion.

Sebagai pengasas Dasar Pandang Ke Timur, Dr. Mahathir berbangga kerana bekas pelajar Malaysia yang mendapat latihan dan pelajaran di Korea mencatat pencapaian yang membanggakan dalam bidang pekerjaan.

Sehingga kini 15 peratus daripada mereka menguasai peringkat pengurusan kanan di syarikat-syarikat Korea manakala 45 peratus lagi di peringkat pengurusan pertengahan.